

Dr. Mohd. Khairi dilantik CEO ISN ganti Dr. Roslan

KUALA LUMPUR - Institut Sukan Negara (ISN) bakal menerima Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang baharu apabila Dr. Mohd Khairi Zawi dilantik menyandang jawatan tersebut berkuatkuasa pada 15 Januari ini.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, Dr. Mohd. Khairi merupakan seorang ahli akademik berkelulusan doktor falsafah (PhD) dengan pengkhususan dalam bidang Kemahiran Motor dan Biomekanik Sukan.

"Beliau berkhidmat selama 17 tahun di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan bertanggungjawab mengasaskan penubuhan Akademi Sukan UPM serta Jabatan Pengajian Sukan di Fakulti Pendidikan universiti tersebut," katanya dalam kenyataan akbar yang dikeluarkan di sini semalam.

Sebelum ini, CEO ISN disandang oleh Datuk Dr. Ramlan Abd. Aziz yang telah berkhidmat bersama badan induk sains sukan negara itu sejak Mei 1990 dan juga pernah dilantik sebagai Ketua Pengarah Maj-

lis Sukan Negara (MSN) pada 2005.

Menurut Khairy, melalui beberapa proses temuduga, Dr. Mohd. Khairi telah menunjukkan visi yang jelas untuk mentadbir ISN sebagai sebuah institut yang bakal menjadikan sains dan perubatan sukan elemen teras dalam pembangunan sukan berprestasi tinggi di Malaysia seperti yang diterap dalam Model Sukan Baharu.

Jelas beliau, Dr. Ramlan yang dilantik sebagai CEO ISN pada 2013 akan meneruskan khidmatnya di Kementerian Belia dan Sukan sebagai penasihat kepada menteri serta pakar rujuk perubatan sukan.

"Pelantikan ini akan memberi pengkhususan kepada beliau untuk memberi tumpuan dalam penyelidikan bidang perubatan dan sains sukan sebagai salah satu cabang utama program Podium," ujarnya.

Khairy memberitahu, segala langkah yang diambil diharap dapat memperkemas tadbir urus sukan di negara ini, sekali gus mengerakkan satu budaya sukan berprestasi tinggi berteraskan sains dan perubatan sukan.

info

Umur: 53 tahun

Tempat lahir: Singapura

Kelulusan:

1983 - Diploma Sains (Pendidikan) Universiti Pertanian Malaysia (UPM)

1986 - Ijazah Pendidikan (Pendidikan Fizikal) UPM

1992 - Sarjana Kawalan Motor Manusia, Universiti Oregon, Amerika Syarikat

1998 - Doktor falsafah dalam bidang Kawalan Motor Manusia dan Biomekanik Sukan, Universiti Queensland, Australia

Pengalaman kerjaya:

1986 - 1990 Pegawai Kemajuan Sukan, Urusetia Hal Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

1990 - 1997 Tutor Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia (UPM)

1997 - 2005 Pensyarah (DS45) Fakulti Pengajian Pendidikan UPM

2004 - Timbalan Pengarah Akademi Sukan UPM

PROFESOR MADYA DR. MOHD. KHAIRI ZAWI



2004 Ketua Jabatan Pengajian
-2006 Sukan UPM

2006 - kini Profesor Madya (DS53) Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah

2008 - 2010 Dekan Fakulti Sains Sukan & Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM)

2013 - kini Ketua Program Siswazah (PhD), Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)